

16/12/2000

Warna pakaian tentukan keperibadian

Zubir Mohd Yunus

KEPERIBADIAN personaliti serta artis yang muncul di kaca televisyen, bergantung kepada jenis dan warna pakaian mereka. Keadaan ini sekali gus menjadi tanggungjawab Eksekutif Kanan, Pakaian, Fazilah Abdullah, 37, yang bertugas di Sistem Televisyen Malaysia Bhd (TV3).

Berkelulusan dari Institut Kemahiran Mara (IKM) dalam bidang fesyen, Fazilah adalah pekerja paling senior di Unit Pakaian dan bertugas bersama TV3 lebih 15 tahun. Justeru, pengalamannya dalam pemilihan pakaian dan fesyen boleh dianggap 'di hujung jarinya' saja.

Berasal dari Pulau Pinang, Fazilah berkata dia memulakan kerjayanya sebagai pembantu pakaian. Dia juga pernah menimba pengalaman bekerja bersama bekas personaliti TV3 yang muncul dalam pelbagai rancangan.

Antaranya Mahathir Lohkman, Wan Zaleha Radzi, Habibah Yaacob, Charmine Argustine, Azwan Ali dan Ezzah Aziz Fawzy.

"Lazimnya sebelum menentukan pakaian pengacara dan artis, saya akan mengadakan perbincangan bersama penerbit rancangan itu. Keadaan ini berlaku terutamanya untuk rancangan baru.

"Perbincangan lazimnya dibuat bagi menentukan konsep rancangan. Bila sudah tahu siapakah pengacaranya, artis dan konsep, baru saya menghubungi penaja bagi mendapatkan pakaian berkualiti, selain berjenama," katanya lagi.

Menurut Fazilah, bentuk badan, ketinggian, warna kulit dan bentuk muka adalah antara faktor yang diberi perhatian dalam proses pemilihan pakaian yang sesuai bagi pengacara serta artis itu.

Sekiranya personaliti televisyen itu berbadan besar ataupun berisi, Fazilah akan memilih pakaian gelap, terutamanya warna kot.

Dia juga mengambil contoh rancangan hiburan remaja masa kini, Wavelength yang menampilkan pengacara Ben-G dan Maya Karin.

"Ketinggian yang dimiliki Maya (Karin) membolehkannya mengenakan pakaian ketat mahupun longgar. Begitu juga dengan set, lampu dan konsep rancangan itu yang ceria, membenarkan Maya dikenakan warna pakaian yang tampak garang seperti merah atau biru.

"Bentuk muka Maya (Karin) bujur sirih dan personaliti yang dimilikinya itu membolehkan saya memilih pakaian yang berkolar tinggi atau high-neck, selain bersegi, v-neck dan turtle-neck untuknya.

"Warna kulit Maya (Karin) sawo matang. Sebab itulah, dia sesuai apabila dipadankan dengan baju pelbagai warna," jelasnya.

(END)